

PM TIDAK MAHU BOT KERJASAMA BAWA IKAN KE THAILAND

UM 5 OCT 1987

KUALA TERENGGANU 4
Okt. — Datuk Sri Dr.
Mahathir Mahamad mahu
pengeksporan ikan dari
Kuantan ke Thailand harus
menggunakan bot - bot lain
daripada bot kerjasama
Malaysia - Thai sekarang
bagi mengelakkan
kekeliruan.
Perdana Menteri
menegaskan, apa yang
berlaku sekarang
terdapatnya beberapa
buah bot kerjasama
Malaysia - Thai digunakan

bagi membawa hasil
tangkapan ikan ke negara
itu.
"Apa yang kita hendak
sekarang ialah mereka
gunakan lain bot, yang
boleh membawa kontena
untuk mengisi ikan ke
Thailand," katanya.
Serentak dengan itu, beliau
berjanji akan menyelidik
dakwaan Nekmat mengenai
berlakunya pencerobohan
perairan laut dalam oleh
bot -bot asing.
Menurut beliau, "kita
dapat ini tidak melibatkan
bot kerjasama Malaysia -
Thai yang berpangkalan di
Kuantan dan rondaan
perairan pantai akan
dilakukan untuk menjaga
kepentingan nelayan
tempatan.

Beliau berkata demikian
dalam sidang akhbar di
rumah tetamu sebelum
berangkat ke Pulau
Perhentian, Besut untuk
berehat petang ini dan
dijadualkan pulang ke
Kuala Lumpur petang esok.
Semasa berada di sini,
Perdana Menteri telah
merasmikan Sekolah
Menengah Bukit Tunggul
dan Sekolah Menengah
Ajil. Beliau juga telah
mengadakan pertemuan
dengan Perhubungan

UMNO Negeri, wakil -
wakil rakyat dan Barisan
Nasional Terengganu.
Datuk Sri Dr. Mahathir
menyatakan, sekarang ini
ikan - ikan dibawa
mendarat di Kuantan untuk
mendapatkan ais dan
bungkus, sebelum dibayar
cukai.

"Selepas itu disebabkan
tidak ada bot lain, mereka
gunakan bot ikan yang
sama untuk bawa ikan itu
ke Negeri Thai sama ada ke
Songkla atau ke tempat lain
saya tidak tahu.

Tapi, kemungkinan ikan
yang didaratkan di Songkla
itu adalah ikan yang telah
diekspor dari Malaysia,"
tambahnya.

"Ditanya, tentang rungutan
Nekmat yang mengatakan
9 dari 40 buah bot
mendaratkan ikan di
Thailand, beliau berkata,
ini adalah tidak tepat
kerana angka kastam
sebanyak 37 buah
daripadanya balik dan
mendarat di Kuantan.
Bagaimanapun katanya
selepas itu, mereka
terpaksa bawa ikan ke
Thailand dengan
menggunakan bot yang
sama disebabkan tidak ada
bot lain.